

Pengaruh Sikap dan Kemahiran Keusahawanan terhadap Keinginan Keusahawanan dalam kalangan Pelajar Universiti Awam

(Influence of Entrepreneurial Attitudes and Skills on Entrepreneurial Determination among Public University Students)

Nishanti a/p Hari Chandra Rao¹, Radin Siti Aishah Radin A. Rahman^{2*}

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: p109156@siswa.ukm.edu.my

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: radin@ukm.edu.my

ABSTRAK

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Radin Siti Aishah Radin A.
Rahman
(radin@ukm.edu.my)

KATA KUNCI:

Sikap
Kemahiran keusahawanan
Keinginan Keusahawanan

KEYWORDS:

Attitude
Entrepreneurship Intention
Skills

CITATION:

Nishanti H.C.R. & Radin Siti Aishah R.A.R. (2022). Pengaruh Sikap dan Kemahiran Keusahawanan terhadap Keinginan Keusahawanan dalam kalangan pelajar Universiti Awam. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(11), e001909.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i11.1909>

Keinginan keusahawanan sering dipengaruhi oleh sikap dan kemahiran keusahawanan kerana ia memberi kesan secara langsung. Keinginan ini juga didorong oleh peningkatan kadar pengangguran dan kesan pandemik Covid-19 terhadap peluang kebergantungan pelerjaan dengan majikan menjadi terhad. Kesan ini telah mendorong keinginan graduan Universiti Awam untuk memulakan kerjaya sendiri. Bagi merapatkan jurang pengangguran dan kesan ekonomi semasa, wujud keperluan bagi mencari penjelasan faktor-faktor yang mendorong kepada keinginan keusahawanan pelajar sebelum mereka bergraduati. Penetapan faktor-faktor ini ditentukan oleh teori Pemilihan Kerjaya Holland. Maka, kajian ini bertujuan untuk menentukan pengaruh sikap dan kemahiran keusahawanan terhadap keinginan keusahawanan dalam kalangan pelajar Universiti Awam (UA). Seterusnya, objektif kajian ini adalah untuk i) mengenal pasti tahap sikap, kemahiran keusahawanan dan keinginan keusahawanan pelajar UA; ii) mengenal pasti pengaruh sikap dan kemahiran keusahawanan terhadap keinginan keusahawanan dalam kalangan pelajar UA. Kajian tinjauan ini melibatkan seramai 380 orang pelajar menggunakan persampelan rawak mudah. Manakala instrumen kajian melibatkan penggunaan borang soal selidik. Instrumen kajian ini telah melalui proses kesahan kandungan dan hasil ujian rintis menunjukkan nilai alpha Cronbach yang diperolehi antara 0.74 hingga 0.92. Data dianalisis menggunakan Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) versi 26 dalam bentuk skor min, sisihan piawai dan regresi berganda. Dapatan kajian menunjukkan keinginan keusahawanan, sikap dan kemahiran keusahawanan menunjukkan tahap sederhana tinggi. Analisis regresi menunjukkan bahawa sikap dan kemahiran keusahawanan menyumbang secara signifikan terhadap keinginan keusahawanan peratus ($p > 0.05$, $R^2 = 0.65$). Implikasi kajian ini menyumbang kepada

pengukuhan teori Pemilihan Kerjaya Holland (1973) dan perancangan program keusahawanan yang sesuai dengan keperluan pelajar universiti.

ABSTRACT

Entrepreneurial determination often related to attitudes and skills because they have a direct impact. This desire is also increase in the unemployment rate and the impact of the Covid-19 pandemic on the opportunity of employment dependency with employers becoming limited. This effect has encouraged the desire of Public University graduates to start their own careers. In order to bridge the unemployment gap and the current economic impact, there is a need to find an explanation of the factors that drive students' entrepreneurial desire before they graduate. The determination of these factors is determined by Holland's Career Choice theory. Therefore, this study aims to identify the influence of attitudes and entrepreneurial skills on entrepreneurial determination among Public University students. The objective of this research is to i) identify the level of attitude, entrepreneurial skills and entrepreneurial determination among students in Public University; ii) identify the influence of attitude, entrepreneurial skills on entrepreneurial determination among Public University students. This survey study involved a total of 380 students using simple random sampling. While the research instrument involves a questionnaire. This research instrument has gone through the content validity process and the results of the pilot test show Cronbach's alpha values obtained between 0.74 and 0.92. Data were analyzed using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 26 in the form of mean scores, standard deviations, and multiple regression. The findings show that students' entrepreneurial determination, attitudes and entrepreneurial skills indicate a moderately high level. Regression analysis indicate that attitude and entrepreneurial skills found significantly influence on the entrepreneurial determination ($p < 0.05$, $R^2 = .65$). The implications of this study contribute to the strengthening of Holland's Career Choice theory (1973) and the planning of entrepreneurship programs that suit the needs of university students.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada pengukuhan teori Pemilihan Kerjaya Holland (1973) terutama dalam mengukur sikap dan kemahiran keusahawanan pelajar terhadap keinginan keusahawanan.

1. Pengenalan

Keusahawanan melibatkan aktiviti seseorang untuk menjalankan perniagaan dan kerjaya yang boleh mendapat meningkatkan pendapatan serta penyumbang utama dalam ekonomi (Lilanka De Silva & Ravindra Koggalage, 2021). Individu yang mempunyai keinginan keusahawanan dikenali sebagai usahawan yang sedang menghadapi risiko dan berani membuat keputusan dalam perniagaan (Anwar Zainol et al., 2018). Di negara

Malaysia tidak dapat melihat peluang terhadap rakyat dengan jelas seperti mana di negara Britain, mereka sentiasa memberi peluang kepada rakyatnya yang memiliki keinginan untuk menceburi keusahawanan dengan menawarkan program keusahawanan untuk disertai. Antara program tersebut adalah seperti Startup Britain (Wan Mohd Zaifurin et al, 2018). Perkara yang hampir sama juga dipraktikkan di Eropah. Menurut Pimpa (2019) di Eropah pelbagai program dan aktiviti keusahawanan dilaksanakan oleh kerajaan bgai meningkatkan keinginan keusahawanan dalam kalangan rakyatnya termasuk menerapkan ilmu keusahawanan dalam pendidikan formal.

Tidak terkecuali juga di Malaysia, pelbagai program dan aktiviti keusahawanan telah dilaksanakan kerana bidang keusahawanan dipercayai dapat meminimumkan pemasalahan negara. Masalah pengangguran dan kadar kemiskinan dapat dikurangkan malah ia juga dapat membantu meningkatkan pendapatan isi rumah Wan Mohd Zaifurin et al, (2019) juga sependapat dengan perkara ini apabila beliau menegaskan bahawa pendapatan per kapita negara dilaporkan meningkat setiap tahun dan kadar kemiskinan juga semakin berkurangan apabila aktiviti keusahawanan rancak dilaksanakan. Keinginan dalam bidang keusahawanan adalah contoh suatu peluang pekerjaan yang boleh diceburi pelajar/graduan bagi tujuan mengatasi masalah pengangguran. Menurut Othman dan Ishak (2011) menegaskan bahawa pelajar/graduan tidak semestinya perlu sentiasa mencari atau menunggu untuk pekerjaan. Mereka juga tidak perlu lagi berkerja di bawah seliaan seseorang malah mereka sendiri boleh menjadi sebagai pencipta kerja.

Menurut laporan Bosma (2013) *The Global Entrepreneurship Monitor* menunjukkan peratusan sebanyak 60% rakyat Amerika menyatakan bidang keusahawanan dapat membantu dan meringankan beban hidup mereka semasa pasca Covid-19. Ini menunjukkan sikap dan kemahiran yang dimiliki oleh rakyat Amerika berbanding dengan negara-negara lain. Situasi ini jauh beza jika dikaitkan dengan negara Malaysia. Hal ini kerana, bidang keusahawanan bukanlah buah mulut atau bidang yang dilihat sebagai kerjaya utama dalam kalangan rakyat Malaysia (Norfadhilah & Halimah, 2010). Di samping itu, dalam kalangan pelajar siswazah di Malaysia, tanggapan terhadap keusahawanan masih dipandang remeh dan tidak digelar sebagai bidang pilihan utama (Othman & Ishak, 2010). Menurut Lee-Ross (2017) mendapati sebahagian pelajar mempunyai keinginan untuk menceburi bidang keusahawanan. Malah mereka tidak mengambil inisiatif terhadap bidang keusahawanan untuk dikenali sebagai bidang pilihan dalam kerjaya pelajar.

Sebelum ini bidang keusahawanan bukan dilihat sebagai satu bidang yang mempunyai status di mata masyarakat, kini tanggapan masyarakat berubah apabila bidang keusahawanan dilihat sebagai pilihan utama semasa pasca Covid-19 (Abd Rashid, 2020). Setakat ini, keusahawanan telah menjadi penyumbang utama bagi pelajar lepasan sekolah dan universiti untuk mendapatkan pekerjaan. Pandemik Covid-19 memberi kesan positif dalam kalangan masyarakat untuk mengubah set minda mereka yang mempunyai persepsi yang rendah terhadap keusahawanan kepada pelajar. Disebabkan pandemik Covid-19, 60% rakyat Malaysia kekal aktif dalam bidang keusahawanan (Lee-Ross, 2017).

Para pelajar yang gagal mengambil peluang dalam keusahawanan sebagai kerjaya yang boleh menjamin masa depan ia akan memberi impak yang besar dalam masalah pengangguran (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2022) dan kesan pandemik Covid-19. Maka, kerajaan juga mengalakkan pelajar dan member sokongan kepada pelajar lepasan sekolah dan juga IPT untuk menceburi dalam bidang keusahawanan yang dapat mengurangkan masalah pengangguran dalam negara. Bagi merapatkan jurang pengangguran dan kesan

ekonomi semasa, wujud keperluan bagi mencari penjelasan faktor-faktor yang mendorong kepada keinginan keusahawanan pelajar sebelum mereka bergraduat. Penetapan faktor-faktor ini ditentukan oleh teori Pemilihan Kerjaya Holland (1973). Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti pengaruh sikap, kemahiran keusahawanan terhadap keinginan keusahawanan pelajar UA. Manakala objektif kajian ini adalah untuk i) mengenal pasti tahap sikap, kemahiran keusahawanan dan keinginan keusahawanan pelajar UA, dan ii) mengenal pasti pengaruh sikap, kemahiran keusahawanan dan keinginan keusahawanan pelajar UA.

2. Sorotan Literatur

2.1. Teori Pemilihan Kerjaya Holland

Teori Pemilihan Kerjaya Holland diperkenalkan pada tahun 1959 dan dikemaskini pada tahun 1966, 1973, 1978, 1985 dan 1996. Teori ini sering digunakan dan paling popular serta sangat berpengaruh dalam aliran pendekatan struktur. Teori Holland juga dikenali sebagai teori pemilihan kerjaya Holland bersempena namanya dan turut dikenali sebagai teori Tipologi Holland. Fokus utama pemilihan Kerjaya Holland ialah menjelaskan tingkah laku vokasional serta mencadangkan beberapa idea praktikal untuk menolong individu memilih kerja, menukar kerja dan memperoleh kepuasan bekerja (Holland, 1973). Teori ini turut membincangkan perkembangan jenis perubahan personaliti, kebolehan personal, tingkah laku kerjaya, sikap dan kemahiran, Holland (1973) berpendapat pemilihan pekerjaan adalah perlu sebagai satu cara hidup yang mencerminkan konsep diri dan keperibadian individu. Menurutnya lagi, persekitaran kerjaya yang sesuai dengan jenis keperibadian akan mewujudkan keserasian. Maka keserasian ini akan meningkatkan kepuasan kerja, kestabilan pekerjaan dan prestasi. Menurutnya terdapat enam jenis personaliti individu yang dipercayai dapat membentuk gaya tingkah laku seseorang yang berkaitan dengan pembentukan personaliti.

Jenis personaliti *enterprising* dipercayai dapat membentuk gaya tingkah laku keusahawanan. Ciri-ciri personaliti bagi individu yang mempunyai jenis *enterprising* ialah bersungguh-sungguh, cergas, suka menonjol diri, suka bercakap, bersosial, bebas, bercita-cita tinggi, agresif, memujuk, ekstrovert, berlagak, suka berbahas, optimistik, yakin, mempengaruhi, menggoda, petah, manipulasi, dominan, kemahiran interpersonal yang baik, kebolehan memimpin, menonjolkan diri, pentingkan diri, maskulin dan bermotivasi. Selain itu, individu ini turut meminati kuasa, status, suka mentadbir, suka memimpin, sukakan keuntungan, meneroka ekonomi, keseronokan, suka mengembara dan sukakan cabaran. Sementara itu, individu jenis *enterprising* tidak sukakan aktiviti sistematik, kemahiran saintifik dan teknikal, isu-isu abstrak dan simbolik serta kerja yang ditentukan dan diawasi.

Teori Pemilihan Kerjaya Holland ini dapat membantu dan menjelaskan masalah yang berkaitan dengan kerjaya, lebih-lebih lagi kepada pelajar lepasan sekolah menengah yang meneruskan pengajian ke peringkat tinggi. Selain itu, teori ini dikatakan teori terbaik kerana mengemukakan andaian, saranan dan gagasan yang jelas dan mudah difahami. Justeru, Teori Pemilihan Kerjaya Holland boleh digunakan sebagai panduan pemilihan kerjaya keusahawanan, dengan memfokuskan kepada elemen enterprais. Elemen ini secara tak langsung mampu dan berupaya membantu pelajar untuk membuat keputusan sekiranya memilih keusahawanan sebagai satu kerjaya. Sehubungan itu, pihak institusi boleh menerapkan teori pemilihan kerjaya Holland kepada para pelajar, contohnya

menjemput usahawan berjaya, mengadakan lawatan ke syarikat-syarikat berjaya, menyertai pelbagai ekspo dan banyak lagi.

2.2. Sikap Keusahawanan

Sikap didefinisikan sebagai penilaian persepsi diri sendiri sama negatif atau positif yang menggalakkan seseorang melakukan sesuatu (Ajzen, 2002). Sehubungan itu, kajian mengenai sikap terhadap keinginan keusahawanan sering kali menjadi perbincangan dalam kalangan pengkaji dalam dan di luar negara (Linán & Chew, 2009; Omar, 2021). Menurut Capelleras et al. (2019), sikap seseorang pelajar mempunyai hubungan yang kuat terhadap keinginan keusahawanan. Ini disokong kajian Mogari (2003) yang melaporkan hubungan positif antara sikap dengan keinginan keusahawanan. Sebagai seorang usahawan, sentiasa memiliki sikap inovatif dan kreatif dalam melakukan sesuatu pekerjaan (Hamzah & Othman, 2020). Kajian yang dijalankan oleh Ravi dan Aishah (2016), adalah berkaitan tahap sikap terhadap keinginan pemilihan kerjaya keusahawanan. Dalam kajian beliau seramai 313 orang pelajar India telah terlibat dan melalui dapatan kajian didapati tahap sikap menunjukkan tinggi terhadap keusahawanan dalam kalangan pelajar. Malahan, terdapat kajian yang menerangkan bahawa program dan aktiviti keusahawanan yang dijalankan di IPT dapat memupuk sikap keusahawanan (Ja'far et al., 2021).

Sikap mempengaruhi dalam membuat sesuatu keputusan pelajar untuk memilih bidang keusahawanan dan merupakan faktor yang mendorong pelajar dalam menentukan kejayaan dalam bidang ini. Pemilihan dan penglibatan pelajar dalam keusahawanan, bukan sahaja faktor keinginan diambil kira malah disebabkan kebolehan sendiri untuk mencapai sesuatu matlamat (Nur Zafirah, 2017). Justeru, pengkaji telah membincangkan banyak persoalan berkaitan hubungan sikap dengan bidang keusahawanan (Zhang et al., 2019). Sebagai contoh, dalam pemilihan bidang keusahawanan banyak dipengaruhi oleh sikap (Salleh et al., 2012). Ini membawa maksud bahawa sikap mempunyai hubungan yang positif untuk memilih bidang keusahawanan. Maka sikap seseorang memainkan peranan yang penting untuk mengkaji tahap keinginan seseorang dalam sesuatu bidang (Sklaveniti, 2017).

2.3. Kemahiran Keusahawanan

Sebagai seorang usahawan yang berjaya memiliki sifat-sifat yang boleh membuktikan bahawa mereka mampu menjalankan aktiviti keusahawanan dengan baik. Sifat keusahawanan juga merupakan kemahiran asas yang terkandung dalam bidang keusahawanan. Oleh itu, satu kajian yang telah dijalankan oleh Faradillah et al. (2020) berkaitan dengan sifat keusahawanan terhadap individu yang bukan daripada latar belakang keusahawanan. Responden beliau terdiri daripada guru-guru sains yang mengajar di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) untuk mengenal pasti sifat keusahawanan yang mereka dimiliki. Dalam dapatan beliau menunjukkan tahap sifat keusahawanan dalam kalangan guru sains ini berada pada tahap tinggi. Maka, dapatan ini menerangkan bahawa setiap item dalam sifat keusahawanan digunakan contohnya bemotivasi, kreativiti kebolehan diri dan sanggup menghadapi risiko.

Seterusnya, berdasarkan dapatan kajian yang dijalankan oleh Gusniar Nurdin et al. (2014) menerangkan bahawa kemahiran yang kreatif dan inovatif dalam kalangan pelajar adalah sederhana tinggi. Dapatan kajian beliau menerangkan bahawa tahap kreatif dan inovatif mereka mempunyai hubungan yang relatif dengan perpustakaan. Hasil kajian ini

menunjukkan bahawa semakin kerap pelajar pergi ke perpustakaan semakin tinggi tahap kemahiran yang kreatif dan inovatif dapat dipupuk oleh pelajar dalam bidang keusahawanan (Spring, 2015). Kemahiran ini boleh ditingkatkan melalui pendedahan dalam ilmu keusahawanan dan juga pencarian maklumat tentang keusahawanan.

Kemahiran pengurusan merupakan salah satu kemahiran penting dalam keusahawanan. Kemahiran ini melibatkan aktiviti dalam perniagaan seperti kemahiran membuat keputusan, kemahiran dalam menguruskan masa, kemahiran teknik dan mengaitkan kemahiran pengurusan dengan peringkat pengurusan. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Suraiya Ishak et al. (2018) terhadap pelajar menengah atas iaitu pelajar tingkatan lima di Negeri Sembilan menunjukkan pembelajaran tidak mempunyai hubungan ke atas kemahiran asas pengurusan dalam kalangan pelajar sekolah menengah tidak menggalakkan mereka menjadikan bidang keusahawanan sebagai pilihan mereka. Ini disokong kajian Suraiya Ishak et al. (2018) menegaskan kemahiran asas keusahawanan dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di negara Malaysia. Dalam kajian instrumen yang telah digunakan adalah daripada buku teks utama kursus mengenai kemahiran asas dalam keusahawanan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kemahiran keusahawanan berada pada tahap sederhana dalam kalangan pelajar.

2.4. Keinginan Keusahawanan

Kajian telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji lepas mengenai hubungan sikap dan kemahiran dengan keinginan keusahawanan. Menurut kajian Tan (2013), menerangkan bahawa tahap keinginan pelajar sekolah menengah melaporkan pada tahap sederhana untuk memilih bidang keusahawanan. Hasil kajian ini membuktikan kemahiran dan sikap keusahawanan terhadap keinginan keusahawanan masih pada tahap yang rendah. Oleh itu, pelajar memerlukan pendedahan tentang keusahawanan daripada pelbagai pihak dan juga persekitaran semasa.

Seterusnya, satu kajian telah dilakukan oleh Peng et al. (2013) terhadap pelajar di negara China mengenai tahap keinginan keusahawanan. Dalam kajian pengkaji telah menggunakan tiga pemboleh ubah antaranya faktor psikologi, latar belakang keluarga dan kemahiran sedia ada. Kemahiran keushawanan ini diperolehi sama ada melalui pendidikan atau persekitaran semasa. Hasil kajian ini menunjukkan tahap keinginan keusahawanan dalam kalangan pelajar berada pada tahap yang tinggi. Maka, berdasarkan kajian ini faktor psikologi dan kemahiran keusahawanan menunjukkan hubungan yang signifikan dengan keinginan keusahawanan manakala faktor latar belakang keluarga menunjukkan tidak signifikan dengan keinginan keusahawanan.

Menurut Gelaidan dan Abdullateef (2017), satu kajian telah dijalankan tentang keinginan keusahawanan dalam kalangan pelajar di negara Malaysia yang mengambil subjek perniagaan di sekolah. Hasil kajian menunjukkan tahap pelajar terhadap keinginan keusahawanan berada pada tahap yang tinggi. Kajian ini melaporkan sokongan keluarga dan pendidikan keusahawanan mempengaruhi keinginan keusahawanan dalam kalangan pelajar.

3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kaedah kuantitatif berbentuk tinjauan. Kajian ini dijalankan terhadap pelajar UA di Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya dan Universiti Putra Malaysia. Menurut penentuan ukuran sampel Krejcie dan Morgan (1970),

ukuran sampel bagi populasi 20, 527 orang ialah 380 responden yang terdiri daripada pelajar UA. Pemilihan pelajar menggunakan kaedah rawak mudah.

Data dikutip menggunakan soal selidik secara atas talian. Borang soal selidik ini mengandungi empat bahagian iaitu: Bahagian A: Maklumat Demografi, Bahagian B: Sikap Keusahawanan, Bahagian C: Kemahiran Keusahawanan dan Bahagian D: Keinginan Keusahawanan. Kesemua item di dalam borang soal selidik diukur menggunakan skala Likert 5 titik bermula dari skala 1 sangat tidak setuju hingga skala 5 sangat setuju. Instrumen kajian ini telah disesuaikan dan diadaptasikan berdasarkan kajian [Akpan dan Etor \(2013\)](#) serta [Rosna dan Norasmah \(2018\)](#) untuk mendapatkan maklumat tentang sikap dan kemahiran keusahawanan. Manakala aspek keinginan keusahawanan diadaptasi daripada kajian [\(Machado et al., 2016\)](#).

Melalui instrumen kajian yang telah dibangunkan, pengkaji menjalankan satu kajian rintis telah dijalankan terhadap 34 orang responden bagi instrumen soal selidik boleh diguna pakai dalam kajian. Malah terdapat sedikit cadangan dan penambahbaikan telah dibuat dalam memudahkan pemahaman responden. Cronbach's Alpha mempunyai nilai dari sifar hingga satu yang mempunyai ukuran nilai kebolehpercayaan [\(Abdullah & Wei, 2017\)](#). Cronbach's Alpha memiliki nilai kebolehpercayaan melebihi 0.6 supaya kajian boleh diterima. Oleh itu, jika dilihat pada [Jadual 1](#), nilai pekali kepercayaan Cronbach's Alpha mencatatkan skor 0.833 (sikap keusahawanan), 0.899 (kemahiran keusahawanan), yang mewakili pemboleh ubah bebas. Manakala, pemboleh ubah bersandar mencatatkan skor 0.743 (keinginan keusahawanan). Kesimpulannya, soal selidik yang terlibat dalam kajian ini boleh diterima pakai dan sesuai dijalankan di lapangan kajian sebenar kerana skor pekali Cronbach's Alpha untuk pemboleh ubah bebas mencatatkan melebihi 0.6. Kesahan sesuatu instrumen merujuk kepada sejauh manakah sesuatu instrumen itu diukur [\(Mohajan, 2017\)](#).

Jadual 1: Analisis Kesahan dan Kebolehperrcayaan Cronbach's

Pemboleh ubah	No item	Bilangan Item	Cronbach's alpha
Sikap Keusahawanan	S1-S4	4	0.833
Kemahiran Keusahawanan	KK1-KK13	13	0.899
Keinginan Keusahawanan	K1-K4	4	0.743

Bagi kesahan kandungan, instrumen kajian telah disemak oleh dua orang pakar, yang terdiri daripada pensyarah universiti awam, iaitu seorang pensyarah Universiti Malaysia Kelantan dan seorang pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia. Kedua-dua pakar bersepakat menerima 29 item tersebut dengan peratusan sebanyak 87% ke atas seperti ditunjukkan dalam [Jadual 2](#).

Jadual 2: Analisis Kesahan

Pakar Penilai	Pencapaian Kesahan Kandungan	Ulasan Pakar
Pakar 1	87%	Diterima
Pakar 2	87%	Diterima

Dalam kajian ini, analisis statistik deskriptif melibatkan skor min dan sisihan piawai dalam penentuan tahap sikap, kemahiran keusahawanan dan tahap keinginan keusahawanan dan analisis inferensi melibatkan nilai pekali r. Nilai interpretasi skor min dalam kajian ini telah diadaptasi daripada kajian (Chew & Zul Hazmi Hamad, 2018). Jadual 3 menunjukkan penentuan tahap dalam kajian ini. Manakala bagi analisis inferensi digunakan bagi menentukan pengaruh sikap dan kemahiran keusahawanan terhadap keinginan keusahawanan menggunakan analisis regresi berganda. Data dalam kajian dianalisis dengan menggunakan Perisian *Statistical Package for Social Science* Versi 26.0 (SPSS).

Jadual 3: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sangat Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Sumber: Chew dan Zul Hazmi (2018)

4. Hasil Kajian

4.1. Tahap Sikap Keusahawanan mempengaruhi Pelajar UA

Jadual 4 melaporkan kekerapan dan peratusan yang tinggi bagi skala setuju dan sangat setuju untuk setiap item sikap keusahawanan dalam kalangan pelajar UA. Analisis ini membuktikan sikap pelajar terhadap keusahawanan adalah sederhana tinggi iaitu jumlah min 3.77 dan sisihan piawai 0.70. Ini jelas terbukti apabila peratus setuju untuk setiap item yang berkaitan dengan perkara tersebut adalah tinggi iaitu antara 55.3% hingga 75.5%. Berdasarkan Jadual 4, peratusan tertinggi bersetuju bagi sikap pelajar terhadap keusahawanan adalah pada item 1, iaitu “*Saya percaya mampu mengatasi kesukaran untuk memulakan perniagaan*” (75.5%). Seterusnya, item kedua mendapat peratusan kedua tinggi iaitu “*Saya percaya mampu mengatasi halangan dalam perniagaan*” (75.0%). Ini bererti pelajar berfikiran kreatif dalam perniagaan sebagai seorang usahawan yang berjaya. Bagi peratusan terendah adalah item ke-4, iaitu “*Saya mampu mengawal tekanan semasa berniaga*” (57.4%). Hal ini bermaksud pelajar tidak mampu menghadapi risiko dengan baik dalam perniagaan. Peratusan terendah berdasarkan Jadual 4 adalah item ketiga iaitu “*Saya mampu melakukan dua kerja dalam satu masa untuk menguruskan perniagaan*” dengan peratusan (55.3%). Ini membuktikan bahawa pelajar tidak bersedia dan tidak mempunyai matlamat yang perlu dicapai dalam perniagaan sebagai usahawan.

Jadual 4: Analisis deskriptif sikap terhadap pelajar UA

No	Sikap Keusahawanan	STS		TS		KS		S		SS	
		Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
1	Saya percaya mampu mengatasi kesukaran untuk memulakan perniagaan.	1	0.3	11	2.9	81	21.3	216	56.8	71	18.7

2	Saya percaya mampu mengatasi halangan dalam perniagaan.	2	0.5	8	2.1	85	22.4	221	58.2	64	16.8
3	Saya mampu melakukan dua kerja dalam satu masa untuk menguruskan perniagaan	4	1.1	29	7.6	137	36.1	156	41.1	54	14.2
4	Saya mampu mengawal tekanan semasa berniaga	2	0.5	18	4.7	142	37.4	156	41.1	62	16.3

4.2. Tahap Kemahiran Keusahawanan mempengaruhi Pelajar UA

Terdapat 13 item yang telah dibincangkan dalam kajian ini untuk menilai tahap kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar UA seperti ditunjukkan dalam [Jadual 5](#). Kebanyakan item dalam [Jadual 5](#) menunjukkan kekerapan dan peratusan yang tinggi pada skala setuju dan sangat setuju iaitu antara 83.4% hingga 55.3%. Hasil kajian ini melaporkan tahap kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar UA pada tahap sederhana tinggi yang mempunyai jumlah min 3.87 dengan sisihan piawai 0.71. Berdasarkan [Jadual 5](#), terdapat empat item menunjukkan peratusan tertinggi iaitu antara 81.4% hingga 83.4% iaitu item 2 dan 13 “*Saya boleh mengenal pasti idea dengan berkesan*” dan “*Saya tahu keusahawanan berkait rapat dengan kemahiran pengurusan*” menunjukkan peratusan tertinggi (83.4%) diikuti dengan item 12 iaitu “*Saya tahu keusahawanan memerlukan kemahiran pengurusan yang berterusan*” (82.9%). Seterusnya ialah item 11 iaitu “*Saya tahu perancangan perniagaan (business plan) adalah garis panduan dalam menjalankan perniagaan*” (81.4%).

Jadual 5: Analisis deskriptif kemahiran keusahawanan terhadap pelajar UA

No	Kemahiran Keusahawanan	STS		TS		KS		S		SS	
		Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
1	Saya boleh berjaya dalam perniagaan dengan usaha keras.	5	1.3	39	10.3	97	25.5	154	40.5	85	22.4
2	Saya boleh mengenal pasti idea dengan berkesan	2	0.5	7	1.8	54	14.2	169	44.5	148	38.9
3	Saya boleh mengenal pasti peluang dengan berkesan.	13	3.4	57	15.0	71	18.7	147	38.7	92	24.2
4	Saya mampu menjana idea perniagaan yang bernas.	7	1.8	34	8.9	89	23.4	161	42.4	89	23.4
5	Saya mempunyai naluri untuk mencari peluang perniagaan yang berpotensi.	21	5.5	54	14.2	75	19.7	139	36.6	91	23.9

6	Saya sering berinteraksi dengan orang lain untuk mendapatkan maklumat keusahawanan.	3	0.8	11	2.9	104	27.4	204	53.7	58	15.3
7	Saya kerap membaca berita untuk mendapatkan maklumat baru tentang keusahawanan.	3	0.8	23	6.1	106	27.9	188	39.5	60	15.8
8	Saya mampu memilih peluang yang terbaik.	2	0.5	6	1.6	83	21.8	211	55.5	78	20.5
9	Saya dapati ada hubungan antara maklumat daripada pelbagai bidang pengetahuan yang tiada kaitan.	2	0.5	6	1.6	109	28.7	202	53.2	61	16.1
10	Saya pernah menguruskan kewangan perniagaan.	4	1.1	60	15.8	89	23.4	171	45.0	56	14.7
11	Saya tahu rancangan perniagaan(business plan) adalah garis panduan dalam menjalankan perniagaan.	4	1.1	5	1.3	62	16.3	172	45.3	137	36.1
12	Saya tahu keusahawanan memerlukan kemahiran pengurusan yang berterusan.	1	0.3	9	2.4	55	14.5	171	45.0	144	37.9
13	Saya tahu keusahawanan berkait rapat dengan kemahiran pengurusan	4	1.1	9	2.4	50	13.2	168	44.2	149	39.2

Bagi peratusan sederhana terendah terdapat 7 item iaitu antara 60.5% hingga 76.0%. Antara item yang menunjukkan sederhana tinggi adalah item 8 iaitu "Saya mampu memilih peluang yang terbaik" (76.0%) diikuti dengan item 9 iaitu "Saya dapati ada hubungan antara maklumat daripada pelbagai bidang pengetahuan yang tiada kaitan" (69.3%). Item yang ketiga menunjukkan sederhana tinggi adalah item 6 iaitu "Saya sering berinteraksi dengan orang lain untuk mendapatkan maklumat keusahawanan" (69.0%) diikuti dengan item 4 iaitu "Saya mampu menjana idea perniagaan yang bernas" (65.8%). Seterusnya, item 1 dan 3 menunjukkan peratusan yang sama iaitu 62.9% ("Saya boleh berjaya dalam perniagaan dengan usaha keras" dan "Saya boleh mengenal pasti peluang dengan berkesan"). Akhir sekali ialah item 5 iaitu "Saya mempunyai naluri untuk mencari peluang perniagaan yang berpotensi" (60.5%). Berdasarkan [Jadual 5](#), terdapat dua item yang menunjukkan peratusan terendah bersetuju ialah item 7 dan 10. Bagi item 10

menunjukkan pertausan terendah sebanyak 59.7% iaitu “*Saya pernah menguruskan kewangan perniagaan*”. Kedua terendah adalah item 7 iaitu “*Saya kerap membaca berita untuk mendapatkan maklumat baru tentang keusahawanan*” (55.3%).

4.3. Tahap Keinginan Keusahawanan mempengaruhi Pelajar UA

Jadual 6 menunjukkan analisis bagi tahap keinginan keusahawanan dalam kalangan pelajar UA. Data ini melaporkan lebih 70.5% pelajar bersetuju bagi setiap item yang dikemukakan. Maka, hasil kajian menunjukkan keinginan keusahawanan dalam kalangan pelajar UA adalah sederhana tinggi dengan jumlah min sebanyak 4.13 dengan nilai sisihan piawai sebanyak 0.67 dan nilai peratusan setuju dan sangat setuju adalah 70.5% hingga 85.3% bagi setiap item tersebut. Peratusan tertinggi bersetuju bagi keinginan keusahawanan dalam kalangan pelajar UA adalah item 2 dan 3 iaitu “*Saya menganggap keusahawanan sebagai bidang penciptaan pekerjaan*” dan “*Saya menganggap keusahawanan sebagai kerjaya yang bekerja sendiri*” (85.3%) diikuti dengan item 4 iaitu “*Saya mengambil teladan terhadap mereka yang berjaya dalam menjalankan perniagaan*” dengan peratusan sebanyak 84.2%. Manakala item 1 menunjukkan peratusan terendah berbanding dengan item-item lain iaitu “*Saya menganggap keusahawanan sebagai kerjaya pilihan utama yang diinginkan*” dengan peratusan sebanyak 70.5%.

Jadual 6: Analisis deskriptif keinginan keusahawanan terhadap pelajar UA

No	Keinginan Keusahawanan	STS		TS		KS		S		SS	
		Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
1	Saya menganggap keusahawanan sebagai kerjaya pilihan utama yang diinginkan	8	2.1	13	3.4	91	23.9	179	47.1	89	23.4
2	Saya menganggap keusahawanan sebagai bidang penciptaan pekerjaan.	1	0.3	2	0.5	53	13.9	182	47.9	142	37.4
3	Saya menganggap keusahawanan sebagai kerjaya yang bekerja sendiri	-	-	6	1.6	50	13.2	145	38.2	179	47.1
4	Saya mengambil teladan terhadap mereka yang berjaya dalam menjalankan perniagaan.	1	0.3	6	1.6	53	13.9	197	51.8	123	32.4

4.4. Pengaruh Sikap dan Kemahiran Keusahawanan terhadap Keinginan Keusahawanan dalam kalangan Pelajar UA

Analisis regresi berganda digunakan untuk melihat pengaruh sikap dan kemahiran terhadap keinginan keusahawanan. Beberapa andaian regresi linear seperti ujian kesamaan varians, ujian normaliti dan kolineariti turut dijalankan mengikut kaedah yang ditetapkan (Pallant, 2020). Daripada analisis yang dijalankan, terdapat varians yang

signifikan melibatkan sikap dan kemahiran dalam meramalkan keinginan keusahawanan iaitu $F = 355.277$, $Sig. = 0.000$. **Jadual 7** menunjukkan analisis varians bagi pemboleh ubah kajian manakala **Jadual 8** menunjukkan ringkasan model yang dinyatakan. **Jadual 9** pula menunjukkan Analisis Regresi Berganda bagi nilai varians pada pemboleh ubah bersandar, iaitu keinginan keusahawanan yang dikaitkan dengan pemboleh ubah peramal, iaitu sikap dan kemahiran yang menyumbang sebanyak 65.3 peratus ($R^2 = 0.654$).

Jadual 7: Analisis varians bagi sikap dan kemahiran keusahawanan

Model		Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	F	Sig
1	Regresi	112.402	2	56.201	355.277	.000
	Residual	59.637	377	0.158		
	Total	172.039	379			

Jadual 8 menunjukkan pemboleh ubah sikap ($p = 0.001$) dan kemahiran keusahawanan ($p = 0.001$) merupakan pemboleh ubah peramal kepada keinginan keusahawanan. Justeru, untuk membandingkan pengaruh kesemua peramal tersebut, nilai β dalam Pekali Standard (Standard Coefficients) dirujuk. Dapatan analisis menunjukkan kemahiran keusahawanan merupakan pengaruh yang lebih besar iaitu 0.625 iaitu 62.5 peratus dan sikap pula 0.217 (21.7 peratus). Oleh itu, pengaruh kemahiran keusahawanan mempengaruhi secara signifikan terhadap keinginan keusahawanan setelah pengaruh daripada pemboleh ubah lain iaitu sikap dalam model dikawal.

Jadual 8 Ringkasan Model Analisis Standard Regresi

Model	R	R ²	R ² Terlaras	Ralat Piawai
1	0.808	0.653	0.652	0.39773

Berdasarkan kepada analisis regresi berganda di atas, dapat disimpulkan bahawa apabila skor kemahiran keusahawanan meningkat seunit, maka skor keinginan keusahawanan meningkat sebanyak 0.625. Apabila skor sikap meningkat seunit, skor keinginan keusahawanan meningkat juga sebanyak 0.217. Berdasarkan analisis statistik di atas, satu persamaan linear dapat dibina, iaitu:

$$\text{Keinginan keusahawanan} = 1.056 + 0.208x_1 + 0.593x_2$$

Dimana;

Y = Keinginan Keusahawanan

X_1 = Faktor sikap

X_2 = Faktor kemahiran keusahawanan

Pemalar = 1.056

Perkara ini membuktikan bahawa kemahiran keusahawanan ($\beta = 0.625$, $p < 0.05$) adalah peramal terbaik yang signifikan berbanding sikap ($\beta = 0.217$, $p < 0.217$) dengan keseluruhan $R^2 = 0.653$. Maka dapatan ini menunjukkan bahawa kemahiran didapati memberi kesan kepada pengaruh terbaik dengan sikap.

Jadual 9: Analisis standard regresi bagi sikap, persekitaran dan kemahiran keusahawanan

Peramal	B	Ralat Piawai	t	Sig.	Beta	Peratus Pengaruh (%)
Sikap	0.208	0.048	4.324	0.001	0.217	21.7
Kemahiran Keusahawanan	0.593	0.048	12.461	0.001	0.625	62.5
Pemalar	1.056	0.118	8.928	0.001		

5. Perbincangan Kajian

Jelaslah bahawa dalam kajian ini menunjukkan bahawa tahap sikap dalam keinginan keusahawanan adalah sederhana tinggi. Sikap merupakan faktor peramal dan dikenali sebagai penilaian negatif dan positif yang wujud dalam diri individu masing-masing (Ajzen, 2002). Ini disokong dengan kajian Omar (2021) yang membuktikan bahawa seseorang yang memiliki sikap keusahawanan maka keinginan keusahawanan mereka turut wujud. Dapatan kajian ini didapati selaras dengan kajian Ravi dan Aishah (2016) kajian beliau menyatakan tahap sikap terhadap keusahawanan dalam kalangan pelajar India prasiswa adalah pada tahap sederhana tinggi. Ini jelas menunjukkan bahawa tahap pelajar India prasiswa adalah tinggi terhadap keinginan dalam kerjaya keusahawanan. Seterusnya, kajian Hassanain dan Hassanain (2015) juga melaporkan bahawa sikap keusahawanan yang sederhana tinggi dapat melahirkan lebih ramai usahawan kerana mereka sanggup menghadapi risiko, berani dalam mengambil keputusan dan sanggup meluangkan masa dalam perniagaan. Hal ini dapat membuktikan bahawa pelajar UA tidak menguasai kemahiran keusahawanan dengan lebih baik untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya. Manakala, tahap kemahiran keusahawanan juga menunjukkan tahap sederhana tinggi. Kajian ini tidak selari dengan kajian Hamzah dan Othman (2020) menunjukkan bahawa tahap kemahiran keusahawanan adalah tinggi dan pelajar mempunyai kemahiran pengurusan dan kemahiran berinovasi dan pemikiran kreatif yang baik. Ini melaporkan bahawa pelajar berupaya merancang keperluan perniagaan dengan betul. Justeru, kemahiran pengurusan dan juga interpersonal merupakan elemen penting kepada pelajar yang ingin menjadi seorang usahawan (Cheng et al., 2015). Kemahiran keusahawanan dikategorikan sebagai suatu elemen yang memberi impak kepada perniagaan (Barte, 2012).

Seterusnya, tahap keinginan keusahawanan dalam kalangan pelajar juga sederhana tinggi. Menurut kajian Capelleras et al., (2019) tidak menyokong kajian ini kerana pelajar memiliki sikap dan kemahiran keusahawanan dengan baik secara tidak langsung mendorong pelajar untuk melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan dengan lebih berkesan. Ia juga selari dengan kajian Hazim dan Aishah (2021) yang dijalankan dalam kalangan pelajar Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), melaporkan bahawa keinginan keusahawanan yang tinggi wujud dalam kalangan pelajar IPTS. Pihak institusi perlu mengambil inisiatif untuk menyediakan kemudahan yang diperlukan oleh pelajar untuk berniaga dalam sekitar institusi. Kajian ini melaporkan bahawa kemahiran keusahawanan memberi kesan secara langsung terhadap keinginan keusahawanan. Dapatan menyatakan bahawa pelajar UA dapat menguasai kemahiran keusahawanan dengan baik dan menganggap bidang keusahawanan dapat memberikan jaminan pada masa hadapan. Kajian ini tidak selari dengan kajian Sulaiman et al. (2018) yang membuktikan bahawa kemahiran keusahawanan tidak memberi kesan yang signifikan terhadap keinginan kerjaya keusahawanan. Dapatan ini selari dengan Wan Mohd Zaifurin (2016) pengaruh

kemahiran keusahawanan terhadap kecenderungan menceburi kerjaya keusahawanan adalah tidak memberi kesan. Pelajar-pelajar dilihat mempunyai kesungguhan untuk menjadikan keusahawanan sebagai bidang pilihan mereka. Sikap memberi kesan yang baik kepada keinginan keusahawanan. Dapatan ini serupa dengan dapatan oleh [Ling et al. \(2022\)](#) yang menunjukkan keinginan keusahawanan bergantung kepada sikap seseorang individu. Kajian ini turut disokong kajian [Yusof dan Sandhu \(2007\)](#) yang menyatakan keinginan seseorang terhadap keusahawanan mempunyai pengaruh secara langsung dengan sikap seseorang individu. Ini menunjukkan bahawa sikap memberi kesan terhadap keinginan keusahawanan secara langsung.

5. Kesimpulan

Implikasi teorikal menyumbang kepada pengukuhan teori pemilihan kerjaya [Holland \(1973\)](#) dari aspek penentuan faktor peramal kepada pemilihan kerjaya keusahawanan merangkumi sikap dan kemahiran yang dibuktikan melalui analisis regresi berganda yang menunjukkan kemahiran keusahawanan merupakan pengaruh yang lebih besar dengan nilai sumbangan 69.8 peratus berbanding sikap pula 20.7 peratus. Di samping itu, dapatan kajian ini dapat menambahkan lagi sokongan dapatan kajian lepas berhubung bidang kerjaya keusahawanan berasaskan teori [Holland \(1973\)](#). Implikasi dari segi amalan, dapatan kajian ini dapat dijadikan panduan kepada pihak pentadbir UA dapat merancang program keusahawanan dengan baik dan berkesan. Kesimpulannya, kajian ini dijalankan untuk mengkaji tahap sikap, kemahiran dan keinginan keusahawanan dalam kalangan pelajar UA. Dalam kajian ini menunjukkan tahap sikap, kemahiran serta keinginan keusahawanan adalah tinggi. Selain itu, sikap dan kemahiran mempengaruhi keinginan keusahawanan dan memandangkan hasil kajian menunjukkan wujudnya keinginan keusahawanan yang tinggi dalam kalangan pelajar UA. Oleh itu, Pihak institusi bertanggungjawab menyediakan pelbagai kemudahan kepada pelajar untuk memulakan perniagaan. Pihak institusi juga perlu memberi pendedahaan dan menyokong aktiviti keusahawanan dalam kalangan pelajar. Hal ini membolehkan minat pelajar terhadap keusahawanan sentiasa kekal dan berada pada tahap tinggi sehingga tamat pengajian. Justeru, penerapan sikap dan pendedahan kemahiran keusahawanan perlu diperluaskan lagi bagi memastikan pelajar dapat memilih bidang keusahawanan sebagai bidang pilihan. Untuk kajian pada masa akan datang boleh dibuat dalam bentuk kualitatif dengan mengambil kira faktor-faktor lain yang mempengaruhi seperti latar belakang pendidikan, tempoh penglibatan dalam keusahawanan dan sebagainya.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr Radin selaku pensyarah dan penyelia atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Para penulis tidak mempunyai konflik kepentingan terhadap kajian ini.

Rujukan

- Abdullah, M. F. N. L., & Wei, L. T. (2017). Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Penilaian Kendiri Pembelajaran Geometri Tingkatan Satu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 14(1), 211–265.
- Abd Rashid, I. M. (2020, June 8). Keusahawanan pilihan utama mendepani pasca COVID-19. *BeritaHarian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/06/697726/keusahawann-pilihan-utama-mendepani-pasca-covid-19>
- Ajzen, I. (2002). Perceived behavioral control, self-efficacy, locus of control, and the theory of planned behavior. *Journal of Applied Social Psychology*, 32(4), 665–683.
- Akpan, C., & Etor, C. (2013). University Lecturers' Perception of Entrepreneurship Education as an Empowerment Strategy for Graduate Self-Employment in South-South Nigeria. *International Journal of Asian Social Science*, 3(5), 1180–1195.
- Anwar Zainol, F., Norhayate Wan Daud, W., Shamsu Abubakar, L., Shaari, H., & Abd Halim, H. (2018). A Linkage between Entrepreneurial Leadership and SMEs Performance: An Integrated Review. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(4), 104–118.
- Barte, R. (2012). Financial literacy in microenterprises: The case of Cebu fish vendors. *Philippine Management Review*, 19, 91-99.
- Bosma, N. (2013). The Global Entrepreneurship Monitor (GEM) and its impact on entrepreneurship research. *Foundations and Trends in Entrepreneurship*, 9(2), 143–248.
- Capelleras, J. L., Contin-Pilart, I., Larraza-Kintana, M., & Martin-Sanchez, V. (2019). Entrepreneurs' human capital and growth aspirations: The moderating role of regional entrepreneurial culture. *Small Business Economics*, 52(1), 3–25.
- Cheng, W., Tantasuntisakul, W., & Isa, F. (2015). A Comparison of factors influencing malaysia and Southern Thailand women entrepreneurs' success. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 14(1), 211–265.
- Chew, F. P., & Zul Hazmi Hamad. (2018). Kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran dan pemudahcaraan Bahasa Melayu melalui teknik penyoalan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 8(1), 1–12.
- Faradillah Iqmar Omar, Umami Munirah Syuhada Mohamad Zan, Nor Azlili Hassan, & Izzurazlia Ibrahim. (2020). Pengaruh pemasaran digital terhadap prestasi usahawan perusahaan kecil dan sederhana. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 7(2), 138-155.
- Gelaidan, H. M., & Abdullateef, A. O. (2017). Entrepreneurial intentions of business students in Malaysia: The role of self-confidence, educational and relation support. *Journal of Small Business and Enterprise Development*, 24(1), 54–67.
- Gusniar Nurdin, Geraldine K.L. Chan, Sivapalan Selvadurai, & Suraiya Ishak. (2014). Hubungan sosial dan perniagaan kecil-kecilan di Malaysia-tingkah laku inovatif usahawan wanita atas talian. *Malaysia Journal of Society and Space*, 10(6), 206–218.

- Hassanain, K., & Hassanain, K. M. (2015). Integrating zakah, awqaf and imf for poverty alleviation: Three models of Islamic micro finance. *Journal of Economic and Social Thought*, 2(3), 193–211.
- Hazim, R. A., & Aishah., B. N. (2021). Tahap keinginan keusahawanan di institut pengajian tinggi swasta: Perspektif di Malaysia. *Jurnal Dunia Perniagaan*, 3(2), 1-6.
- Holland, J. L. (1973). *Making vocational choices a theory of careers*. Englewood Cliffs, NJ Prentice-Hall. Scientific Research Publishing.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022, 10 Mei). Statistik Tenaga Buruh Malaysia. https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5_Gallery/2_Media/4_Stats@media/4-Press_Statement/2022/05.+MEI/STATISTIK+TENAGA+BURUH,+MALAYSIA,+MAC+&+ST1+2022.pdf
- Ja'far, A. D. I. @ H., Buang, N. A., & Othman, N. (2021). Kecenderungan Keusahawanan terhadap Aspirasi Kerjaya Keusahawanan Atas Talian dalam kalangan Pelajar Tingkatan 6. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(2), 9–21.
- Krejcie, R. v., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610.
- Lee-Ross, D. (2017). An examination of the entrepreneurial intent of MBA students in Australia using the entrepreneurial intention questionnaire. *Journal of Management Development*, 36(9), 1180–1190.
- Lilanka De Silva, & Ravindra Koggalage. (2021). Current trends in entrepreneurship and technology education considering Sri Lankan and global perspectives. *International Research Journal of Modernization in Engineering Technology and Sciences*, 3(2), 401-410.
- Linán, F. & Chen, Y. W. (2009). Development and cross-cultural application of a specific instrument to measure entrepreneurial intentions. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 33(3), 593-617.
- Ling, L. S., Sahid, S., & Othman, N. (2022). Hubungan sikap dan tingkah laku keusahawanan terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), e001345.
- Machado, B. V., Pelizza, H., Da, ;, Faia, S., Domingues Da Silva, V. ;, Machado, V., Da, V., & Domingues Da Silva, J. (2016). BBR-Brazilian business review entrepreneurial alertness: Study of the influence of individual characteristics and entrepreneurship. *Business Review*, 13(5), 85–107.
- Mogari, D. (2003). A Relationship between attitude and achievement in Euclidean geometry of Grade 10 pupils. *African Journal of Research in Mathematics, Science and Technology Education*, 7(1), 63–72.
- Mohajan, H. K. (2017). Two Criteria For Good Measurements In Research: Validity And Reliability. *Annals of Spiru Haret University Economic Series*, 17(4), 59–82.
- Norfadhilah Nasharudin, & Halimah Harun. (2010). Aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(1), 11–17.
- Nur Zafirah Abdul Rahim. (2017). *Impak kursus keusahawanan terhadap kecenderungan pelajar dalam pemilihan kerjaya*. [Unpublished Master Thesis]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Omar, K. M. (2021). Measuring the entrepreneurship characteristics and its impact on entrepreneurial intentions. *Open Journal of Business and Management*, 09(02), 672–687.

- Othman, N. H., & Ishak, S. (2011). Kecenderungan terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan mengikut persepsi peserta skim usahawan siswa. *Jurnal Teknologi*, 56(1), 47–63.
- Pallant, J. (2020). *SPSS survival manual: A step by step guide to data analysis using IBM SPSS (7th ed.)*. American Psychological Association.
- Peng, Z., Lu, G., Kang, H., Peng, Z., Lu, G., & Kang, H. (2013). Entrepreneurial intentions and its influencing factors: A Survey of the University Students in Xi'an China. *Creative Education*, 3(8), 95–100.
- Pimpa, N. (2019). Entrepreneurship education: The learning conundrum in the transnational context. *Humanities and Social Sciences Reviews*, 7(5), 503–509.
- Ravi & Aishah. (2016). The Relationship between attitude, intention, and entrepreneurship career choice among malaysian Indian undergraduates. *Akademika*, 86(2), 43-52.
- Rosna & Norasmah. (2018). Korelasi efikasi sendiri keusahawanan dan kecenderungan keusahawanan pelajar pra-universiti. *Akademika*, 88(2), 56-59.
- Salleh, R., Nair, M. S., & Harun, H. (2012). Job satisfaction, organizational commitment, and turnover intention: A Case study on employees of a retail company in Malaysia. *International Journal of Economics and Management Engineering*, 6(12), 3429–3436.
- Sklaveniti, C. (2017). Processes of entrepreneurial leadership: Co-acting creativity and direction in the emergence of new SME ventures. *International Small Business Journal*, 35(2), 197–213.
- Spring, J. (2015). *Economization of Education* (1st ed.). Taylor and Francis.
- Sulaiman, N., Rahman, R. S. A. R. A., & Othman, N. (2018). Hubungan antara kemahiran keusahawanan dan keinginan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar sekolah menengah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3(21), 40–50.
- Suraiya Ishak, Ahmad Rafli Che Omar, Fahrudin Mustafa Al Bakri, & Lokhman Hakim Osman. (2018). Amalan pembelajaran dan kesannya terhadap pembentukan pengetahuan serta kemahiran perniagaan dalam kalangan Generasi Z. *Malaysian Journal of Society and Space*, 14(1), 15–28.
- Tan, T. (2013). Tahap kesedaran kerjaya pelajar tingkatan enam di daerah Kluang dalam pemilihan kerjaya. *Journal of Holistics Students Development*, 1(1), 12–29.
- Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang, Ibrahim Mamat, & Nor Hayati Sa'at. (2018). Hubungan antara faktor peramal dan kecenderungan kerjaya keusahawanan dalam kalangan ahli Program Tunas Niaga. *Akademika*, 88(3), 19-31.
- Yusof, M., & Sandhu, M. (2007). Relationship between psychological characteristics and entrepreneurial inclination: A Case study of students at University Tun Abdul Razak. *Journal of Asia Entrepreneurship and Sustainability*, 3(2), 1–2.
- Zhang, F., Wei, L., Sun, H., & Tung, L. C. (2019). How entrepreneurial learning impacts one's intention towards entrepreneurship: A planned behavior approach. *Chinese Management Studies*, 13(1), 146–170.